

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

JPN KEDAH AMBIL TINDAKAN ISU KEHADIRAN PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL MERASMIKAN MAJLIS SEKOLAH

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah memandang serius isu jemputan seorang pempengaruh media sosial merasmikan majlis anugerah akademik di sebuah sekolah di negeri ini.

Siasatan sedang dijalankan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati tidak mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa.

JPN Kedah mengingatkan semua pentadbir sekolah untuk memastikan jemputan kepada pihak luar mematuhi garis panduan. Tetamu yang dijemput perlu menjadi contoh yang baik selari dengan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
9 DISEMBER 2025**